KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

SIARAN MEDIA

KKDW PERKUKUH HALA TUJU STRATEGIK PEMBANGUNAN DESA, PENETAPAN 28 'GAME CHANGER' BAGI TAHUN 2026

Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah telah menganjurkan **Permukiman Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) dan Permukiman Syarikat Milikan Agensi KKDW Tahun 2026** yang telah disempurnakan oleh YAB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi, Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah yang berlangsung dari **8 hingga 10 Februari 2026 di Terengganu**.

Permukiman ini menjadi medan strategik peringkat tertinggi kementerian bagi menetapkan hala tuju dasar KKDW tahun 2026, melalui 28 inisiatif pemacu perubahan (*game changer*) serta menilai prestasi syarikat milikan agensi KKDW bagi tahun 2025 dan hala tuju perniagaan tahun 2026.

Sebanyak 28 inisiatif pemacu perubahan (*game changer*) telah digariskan di bawah tujuh kluster strategik merangkumi Ekonomi Desa, Modal Insan, Jaringan Prasarana, Usahawan Desa, Sistem Penyampaian Perkhidmatan, Kesiapsiagaan Desa dan Pengantarabangsaan, bagi memastikan setiap intervensi dilaksanakan secara lebih fokus, berskala dan berimpak langsung kepada rakyat.

Permukiman KKDW 2026 turut menetapkan **lima disiplin baharu pembangunan desa sebagai asas transformasi kementerian**, iaitu pendekatan **homogen** berasaskan kluster, pengukuhan *Master Brand* "DESA" sebagai identiti nasional pembangunan luar bandar, pemerkasaan komunikasi berimpak dan berfakta, pengurusan data bersepadu yang tepat dan bersih, serta pengukuran kejayaan berasaskan *outcome* dan impak sebenar kepada kesejahteraan rakyat.

Dalam sesi Permukiman Syarikat Milikan Agensi KKDW telah **digariskan tiga hala tuju strategik utama** bagi memperkukuh peranan syarikat sebagai pemacu ekonomi kementerian, melibatkan pemerkasaan sektor pendidikan melalui peluasan akses dan teknologi termasuk kaedah *Open Distance Learning* (ODL), transformasi sektor perladangan melalui mekanisasi, automasi bagi melonjakkan hasil tanaman, serta pengukuhan tadbir urus dan integriti melalui pematuhan undang-undang, kawalan dalaman dan pengurusan yang telus serta berakauntabiliti.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT I KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
Tel: 03-8891 5945 E-mel: corpcomm@rurallink.gov.my

Permukiman ini turut menyaksikan penyerahan watikah pelantikan Think Tank KKDW kepada **15 individu yang akan berperanan sebagai pemikir strategik dan rujukan dasar pembangunan desa**, di samping mendokumentasikan pencapaian dan naratif kejayaan desa melalui penerbitan jurnal, laporan dan buku bagi tujuan rujukan dan penyelidikan.

Secara keseluruhan, permukiman ini melibatkan 300 orang peserta terdiri daripada pengurusan tertinggi KKDW, ketua-ketua jabatan dan agensi serta 62 wakil anak syarikat milikan agensi KKDW, sebagai mekanisme semak dan imbang bagi memastikan setiap entiti beroperasi secara mampan dan berkeupayaan menjana nilai ekonomi jangka panjang.

Turut serta ialah lapan agensi di bawah portfolio dan seliaan YAB Timbalan Perdana Menteri, iaitu Agensi Pengurusan Bencana Negara, Angkatan Pertahanan Awam, Majlis TVET Negara, FELDA, FGV Holdings Berhad, Agensi Keselamatan Siber Negara, Bahagian Penyelidikan Jabatan Perdana Menteri dan My Digital ID Sdn. Bhd., sekali gus memperkukuh penyelarasan dasar dan pelaksanaan merentas agensi.

Permukiman KKDW 2026 mencerminkan kesungguhan kementerian untuk beralih daripada pendekatan berasaskan kuantiti program kepada pembangunan desa yang berfokuskan impak, demi memastikan kesejahteraan masyarakat luar bandar terus diperkasa secara holistik dan mampan.

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
10 Februari 2026

MALAYSIA MADANI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT I KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
Tel: 03-8891 5945 E-mel: corpcomm@rurallink.gov.my